



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA**  
**DI MALAYSIA**  
(Bagi Minggu 10/2018 dari 4 hingga 10 Mac 2018)

Pemantauan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada minggu ke-10 tahun 2018 mendapati jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan sehingga 10 Mac 2018, ialah sebanyak 11,496 kes yang dilaporkan berbanding 18,318 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 6,822 kes (37.2%). Bagi tempoh yang sama, jumlah keseluruhan kematian Demam Denggi di Malaysia juga telah menurun sebanyak 19 kematian (42.2%) di mana 26 kematian telah dilaporkan pada tahun ini berbanding 45 kematian dilaporkan pada tahun 2017.

Pada minggu ke-10 tahun 2018 iaitu dari 4 hingga 10 Mac 2018, sejumlah 1,153 kes Demam Denggi dengan dua (2) kematian telah dilaporkan, menurun sebanyak 118 kes (9.3%) berbanding 1,271 kes pada minggu sebelumnya. Namun begitu, terdapat empat (4) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Sarawak 9 kes (100%), Kelantan 8 kes (57.1%), Kedah 6 kes (25%), dan Perlis 1 kes (50%).

Sejumlah 381 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif pada minggu ke-10. Pada minggu tersebut juga, terdapat 49 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan empat (4) buah negeri iaitu 41 lokaliti di Selangor,

empat (4) lokaliti di Perak, tiga (3) lokaliti di Pulau Pinang dan satu (1) lokaliti di Johor.

KKM turut menerima tiga (3) kes Chikungunya iaitu dari daerah Kota Bharu, Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 10 Mac 2018 adalah sebanyak 40 kes iaitu 34 kes dari Kelantan, dua (2) kes dari Kedah dan masing-masing satu (1) kes dari Sabah, Perlis, Selangor dan Sarawak. Bagi pemantauan penyakit Zika di Malaysia, tiada kes dilaporkan di negara ini sejak Januari 2017. Pemantauan sistem surveilan virus Zika dari 1 Januari sehingga 10 Mac 2018 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 376 sampel darah di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Sempena cuti sekolah pertengahan penggal 1 pada bulan Mac ini, orang ramai dijangka akan pulang ke kampung atau mengunjungi kawasan pelancongan di dalam mahu pun luar negara. Oleh itu, mereka disaran agar memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi pembiakan Aedes ditinggalkan di rumah mereka agar jangkitan Demam Denggi dapat dicegah. Jika terdapat takungan air yang besar dan kekal seperti tangki air atau kolah mandi, sila masukkan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate). Selain itu juga, setiap individu disarankan untuk menggunakan bahan penghalau nyamuk (repellen) kepada bahagian badan yang terdedah untuk gigitan nyamuk.

**Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**19 Mac 2018**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2018  
(4 hingga 10 Mac 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 10/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 10/2017	
		Minggu 10 (4 – 10 Mac 2018)		Minggu 9 (25 Feb – 3 Mac 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	2	0	46	0	41	0
2	Kedah	30	0	24	0	223	1	278	1
3	P. Pinang	83	0	92	1	780	1	399	4
4	Perak	76	0	95	0	692	2	1,639	5
5	Selangor	646	1	697	1	6,138	9	9,719	11
6	WP KL & Putrajaya	70	0	77	0	768	2	1,502	9
7	N. Sembilan	26	0	32	0	221	0	685	6
8	Melaka	10	0	21	0	126	0	421	0
9	Johor	74	0	105	0	1,187	3	1,312	4
10	Pahang	17	0	20	0	180	1	493	0
11	Terengganu	2	0	2	0	30	0	71	0
12	Kelantan	22	0	14	0	210	0	948	1
13	Sarawak	18	0	9	0	107	1	361	1
14	Sabah	74	1	79	2	779	6	446	3
15	WP Labuan	2	0	2	0	9	0	3	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,153</b>	<b>2</b>	<b>1,271</b>	<b>4</b>	<b>11,496</b>	<b>26</b>	<b>18,318</b>	<b>45</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 10/2018  
(4 hingga 10 Mac 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Klang	B.B.R Pangsapuri Rebana	19	74
2	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Putri Up	21	69
3	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	18	66
4	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Apt Sri Manja ( Blok D - F : Jln Pjs 3/55 )	9	60
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 ( Flat A Jln 19/15 Blok 1 - 5 )	16	60
6	P PINANG	Barat Daya	Desa Bayan	36	59
7	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	22	57
8	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Sri Kundang (E)	10	57
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	40	55
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Orkid : Blok 7 - 12 )	18	55
11	SELANGOR	Klang	Aparment Bayu Villa	11	54
12	SELANGOR	Petaling	Putra Height 9 (Jln Putra Indah - Sri Mutiara Appt)	31	54
13	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel Gmi Bangi	19	53
14	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Baiduri	9	49

15	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	17	47
16	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 8	22	47
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	10	44
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Prima (Orkid@Anggerik)	7	44
19	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Intan Lembah Jaya Selatan	15	42
20	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Melur Seksyen 5 Bandar Baru Bangi	8	42
21	SELANGOR	Gombak	Appt Springvilla	21	42
22	SELANGOR	Gombak	Kg Fajar Ulu Klang	7	41
23	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	13	40
24	SELANGOR	Gombak	Condo Penaga Raintree	9	39
25	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sunway 2 Bandar Sunway Semenyih	7	39
26	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	6	38
27	SELANGOR	Gombak	Pkns Bt 16 Rawang	10	38
28	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat 38 Blok A)	12	38
29	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_ Jln Tembikai 11-44	7	38
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat E : Blok 47 - 54 )	13	37
31	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Fasa 7a (Zon B)	6	37
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 ( Dataran Otomobil : Blok 1 - 18 )	17	36

33	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Cempaka (Wangi)	15	35
34	SELANGOR	Klang	Tmn Sentosa Jln Hamzah Alang 4	19	34
35	SELANGOR	Klang	Pulau Indah (Flat Sri Bahtera)	22	34
36	PERAK	Kinta	Kg Merawan Indah	32	34
37	P PINANG	Timur Laut	Sri Permai Apartment	5	34
38	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang C : Blok Equatorial,Hilton,Samudera & Merlin )	22	34
39	P PINANG	Barat Daya	Flat Lintang Batu Maung	5	34
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	15	34
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang A : Blok G1 - G8 )	19	33
42	SELANGOR	Klang	Tmn Sri Menegun (Jln Teluk Menegun 4)	14	33
43	SELANGOR	Gombak	Appt Bkt Rawang Putra	5	33
44	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Mesra Kajang	7	32
45	SELANGOR	Klang	B.B.K Apartment Palm Garden	9	32
46	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 9a 1 (Jln 9a/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20 )	6	32
47	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 7 (Pkns/ Bosnia)	5	31
48	SELANGOR	Klang	Pekan Meru (Jln Tempinis 2)	17	31
49	SELANGOR	Gombak	Appt Rosewood Court	11	31